

01 DEC 1996

Mahathir - Bot

BOT MALAYSIA KE PASARAN DUNIA JIKA PERTUKANGAN BERMUTU, KATA DR M

LAANGKAWI, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin bot buatan Malaysia boleh menembusi pasaran antarabangsa jika perhatian diberikan terhadap mutu pertukangan dan reka bentuk.

Perdana Menteri berkata tukang tempatan mempunyai kebolehan untuk menghasilkan bot bermutu asalkan mereka bersedia menggunakan teknik baru dan reka bentuk terkini yang dapat diterima di luar negara khususnya di Eropah.

"Orang kita boleh buat tetapi kaedah pertukangan perlu teratur. Kita boleh hasilkan bot kayu dan mengikut reka bentuk berbeza tetapi kualiti mesti setaraf dengan mutu di Eropah," katanya kepada pemberita selepas menaiki sebuah kapal layar buatan tempatan selama setengah jam di perairan Kuala Muda di sini sejurus selepas tiba dari Kuala Lumpur untuk merasmikan Pameran Motor Antarabangsa Langkawi (LIMOS '96), petang ini.

Kapal layar yang dinamakan "Maizura" sempena nama anak Dr Mahathir, dibuat oleh dua tukang tempatan, Omar Din dan Said Bulat, di Pantai Cenang. Mereka mengambil masa lima bulan untuk menyiapkan kapal itu yang reka bentuknya mencontohi sebuah kapal layar dari Greece.

Perdana Menteri berkata beliau membeli kapal layar dari Greece itu untuk memberi peluang kepada tukang bot tempatan mempelajari teknik baru dalam pembuatan bot seumpama itu.

Katanya beliau berpuas hati dengan kapal itu yang diperbuat daripada kayu cengal.

Dalam pelayaran itu, Dr Mahathir diiringi oleh Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid, Pengerusi Eksekutif Ekran Bhd Tan Sri Ting Pek Khiing dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi Datuk Abdul Halil Mutalib. --
BERNAMA

MFJ MAI